



BAHASA MELAYU
简体中文
ENGLISH



Panduan Pengguna
LG-E510

P/N : MFL67362530 (1.0)

www.lg.com



CE 0168 




Bahasa Melayu

LG-E510 Panduan Pengguna

Panduan pengguna ini membantu anda untuk mula menggunakan telefon anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila lawati www.lg.com.

- Sesetengah kandungan manual ini mungkin tidak berkaitan dengan telefon anda. Ini bergantung kepada perisian telefon anda dan penyedia perkhidmatan anda.
- Telefon ini tidak disyorkan untuk orang yang kurang deria penglihatan kerana pad kekunci skrin sentuhnya.
- Hak cipta ©2011 LG Electronics, Inc. Hak cipta terpelihara. LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar bagi Kumpulan LG dan entiti yang berkaitan dengannya. Semua tanda dagangan lain adalah harta pemilikannya masing-masing.
- Google™, Google Maps™, Gmail™, YouTube™, Google Talk™ dan Android Market™ adalah tanda dagangan Google, Inc.



Kandungan

Garis panduan untuk
penggunaan yang selamat
dan cekap8

Notis penting20

Mengenali telefon anda 37

Memasang kad SIM dan
bateri40

Mengecas telefon anda 42

Memasang kad memori 42

Memformatkan kad
memori44

Skrin Utama anda46

Petua skrin sentuh46

Kunci telefon anda47

Buka kunci skrin48

Mod senyap.....48

Halaman utama48

Menambah widget pada
skrin Utama anda.....50

Kembali ke aplikasi yang
digunakan baru-baru ini51

Pelukis pemberitahuan .51

Melihat bar status52

Papan kekunci atas
skrin.....57

Memasukkan huruf
aksen.....58

Persediaan akaun

Google.....59

Wi-Fi61

Menghidupkan Wi-Fi61

Menyambung ke Wi-Fi..61

Berkongsi sambungan
data telefon anda62

Tetapan penambatan USB
& hotspot Wi-Fi mudah
alih64

Untuk berkongsi sambungan data telefon anda melalui USB.....	64
Penambatan USB dan perkongsian data	65
Untuk berkongsi sambungan data telefon anda sebagai hotspot Wi-Fi mudah alih.....	66
Untuk menamakan semula atau menjamin keselamatan hotspot mudah alih anda.....	67

Mendayakan Wi-Fi Direct untuk berkongsi melalui SmartShare	69
Menggunakan Wi-Fi Cast	70
On-Screen Phone.....	72
Cara menggunakan On-Screen Phone	72
Ikon On-Screen Phone ..	72
Ciri On-Screen Phone... ..	72
Bagaimana memasang Ciri On-Screen Phone pada PC anda.....	74

Bagaimana menyambung telefon mudah alih anda kepada PC anda	74
Untuk memeriksa sambungan telefon kepada PC.....	76
Untuk memutuskan sambungan telefon anda daripada PC anda	76
Panggilan.....	78
Membuat panggilan	78
Membuat panggilan kepada kenalan anda ...	78

Kandungan

Menjawab dan menolak panggilan	79	Memindahkan kenalan dari telefon lama ke telefon baru anda.....	84	Mengarang dan Menghantar E-mel	90
Melaraskan volum panggilan	79	Pemesejan/e-mel	85	Menggunakan Folder Akaun	92
Melihat log panggilan anda	80	Pemesejan	85	Menambah dan Mengedit Akaun e-mel.....	92
Tetapan panggilan.....	81	Menghantar mesej.....	85	Rangkaian Sosial	94
Kenalan.....	82	Peti teruntai	86	Rangkaian Sosial	94
Mencari Kenalan.....	82	Menggunakan Senyuman	87	Menambah akaun anda pada telefon anda	94
Menambah kenalan baru	82	Menukar tetapan mesej anda	87	Melihat dan mengemas kini status anda	95
Kenalan kegemaran	83	Membuka E-mel dan Skrin Akaun	88		

Mengalih keluar akaun daripada telefon anda...	96
Kamera	97
Mengenalinya pencari pandangan	97
Menangkap foto pantas	98
Setelah anda mengambil gambar	98
Menggunakan tetapan lanjutan	99
Melihat foto yang disimpan	102

Kamera video.....	104
Mengenalinya pencari pandangan	104
Menangkap video pantas.....	105
Selepas menangkap video	105
Menggunakan tetapan lanjutan	106
Melihat video anda yang disimpan	107
Melaraskan volum semasa melihat video	108

Multimedia.....	109
Mod paparan	109
Paparan garis masa ...	109
Menggunakan SmartShare	110
Muzik.....	111
Memainkan lagu	112
Memindahkan fail menggunakan peranti storan massa USB.....	113
Cara Memindahkan fail muzik/video ke dalam telefon anda	114

Kandungan

Menghantar data daripada telefon anda melalui Bluetooth.....	115
Radio	117
Mencari stesen	118
Menetapkan kembali saluran.....	119
Mendengar radio.....	119
Utiliti	121
Menetapkan penggera anda	121
Menggunakan kalkulator anda	121
Menambah acara pada kalendar anda.....	122
Menukar paparan lalai kalendar anda.....	123
Polaris Viewer	123
Perakam suara	124
Merakam bunyi atau suara	124
Menghantar rakaman suara	125
Web.....	126
Penyemak imbas	126
Menggunakan bar alat web.....	126
Menggunakan pilihan .	127
Tetapan	129
Wayarles & rangkaian	129
Tetapan panggilan.....	131
Bunyi	134
Paparan	136
Lokasi & keselamatan	136
Aplikasi	138
Akaun & penyegerakan	138
Privasi	139

Storan	140	Aksesori.....	149
Bahasa & papan kekunci	140	Data teknikal	150
Input & output suara...	141	Pencarisilapan	151
Kebolehcapaian	143		
Tarikh & masa.....	143		
Mengenai Telefon.....	144		
Kemas kinian perisian	145		
Kemas kinian perisian telefon.....	145		
DivX Mudah Alih	147		

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

Sila baca garis panduan yang mudah ini. Ketidakpatuhan terhadap garis panduan ini mungkin membahayakan atau tidak sah di sisi undang-undang.

Pendedahan kepada tenaga frekuensi radio

Maklumat pendedahan kepada gelombang radio dan Kadar Penyerapan Khusus (SAR). Telefon mudah alih model LG-E510 telah direka bentuk untuk mematuhi keperluan keselamatan yang dikenakan terhadap pendedahan kepada gelombang radio. Keperluan ini adalah berdasarkan garis

panduan saintifik yang termasuk margin keselamatan yang direka bentuk untuk memastikan keselamatan semua orang tanpa mengira umur dan kesihatan.

- Garis panduan bagi pendedahan kepada gelombang radio menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Khusus, atau SAR. Ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kaedah yang dipiawaikan dengan telefon memancarkan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi dalam semua jalur frekuensi.

- Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR pelbagai model telefon LG, ia semua direka bentuk untuk memenuhi garis panduan relevan bagi pendedahan kepada gelombang radio.
- Had SAR yang disyorkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa mengenai Perlindungan Sinaran Bukan Pengion (International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection) (ICNIRP) ialah 2 W/kg dipuratakan ke atas 10 g tisu.
- Nilai SAR tertinggi bagi telefon model ini yang telah diuji oleh DASY4 untuk kegunaan pada telinga ialah 0.713 W/kg (10 g) dan apabila dipakai pada badan ialah 1.12 W/kg (10 g).
- Maklumat data SAR bagi penduduk di negara/kawasan yang telah mengambil had SAR yang disyorkan oleh Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (Institute of Electrical and Electronics Engineers) (IEEE), iaitu 1.6 W/kg dipuratakan ke atas 1g tisu.

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

Penjagaan dan penyelenggaraan produk

AMARAN

Hanya gunakan bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk digunakan dengan model telefon yang ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon ini, dan mungkin berbahaya.

- Jangan tanggalkan pemasangan unit ini. Bawa ia kepada juruteknik servis yang layak jika kerja pembaikan diperlukan.
- Pembaikan di bawah waranti, mengikut budi bicara LG, mungkin termasuk penggantian bahagian atau papan yang sama ada baru atau yang diperbaiki, asalkan kefungsiannya sebanding dengan bahagian yang diganti.
- Jauhkan dari perkakas elektrik seperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.

- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada getaran atau kejutan mekanikal.
- Matikan telefon di tempat larangan telefon mudah alih. Contohnya, jangan gunakan telefon di hospital kerana ia mungkin mengganggu peralatan hospital yang sensitif.
- Jangan kendalikan telefon dengan tangan yang basah semasa telefon sedang dicas. Ia boleh menyebabkan terjadinya renjatan elektrik dan telefon mungkin akan rosak teruk.
- Jangan cas telefon bimbit berhampiran bahan yang mudah terbakar kerana telefon bimbit akan menjadi panas dan boleh menyebabkan bahaya kebakaran.
- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan cas telefon di atas perabot yang lembut.
- Telefon hendaklah dicas di kawasan yang berpengudaraan baik.

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan telefon di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek yang tajam kerana ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon kepada cecair atau kelembapan.
- Gunakan aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak diperlukan.
- Jangan gunakan, sentuh atau cuba untuk mengeluarkan atau membaiki kaca yang pecah, sumbing atau retak. Kerosakan pada paparan kaca disebabkan pensia-siaan dan penyalahgunaan tidak diliputi oleh waranti ini.
- Telefon anda adalah peranti elektronik yang menjana haba pada penggunaan biasa. Sentuhan langsung dengan kulit dalam tempoh yang berpanjangan dalam keadaan pengudaraan tidak mencukupi mungkin akan mengakibatkan ketidakselesaan atau melecur sedikit. Oleh

itu, anda hendaklah berjaga-jaga apabila mengendalikan telefon anda atau betul-betul selepas menggunakannya.

Operasi telefon berkesan

Peranti elektronik

Semua telefon mudah alih mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan telefon mudah alih anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Elakkan meletak telefon di atas perentak jantung, contohnya, di dalam poket dada anda.

- Sesetengah alat bantuan pendengaran mungkin diganggu oleh telefon mudah alih.
- Sedikit gangguan mungkin boleh menjejaskan TV, radio, PC, dsb.

Keselamatan di jalan raya

Semak undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon mudah alih di kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan telefon pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

- Pergi ke tepi jalan dan letak kereta sebelum membuat atau menjawab panggilan jika keadaan pemanduan memerlukan anda berbuat demikian.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa volumenya berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini amat penting terutamanya semasa berhampiran dengan jalan.

Elakkan kerosakan terhadap pendengaran anda

Kerosakan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat dalam tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan anda tidak menghidupkan atau mematikan telefon mudah alih berhampiran dengan elinga anda. Kami juga mengesyorkan bahawa volum muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

- Apabila menggunakan fon kepala, kurangkan volum jika anda tidak dapat

mendengar orang yang bercakap berdekatan dengan anda atau jika orang yang duduk di sebelah anda dapat mendengar apa yang sedang anda dengar.

NOTA: Tekanan bunyi melampau daripada fon telinga boleh menyebabkan kehilangan pendengaran.

Bahagian-bahagian Kaca

Sebahagian daripada peranti telefon anda diperbuat daripada kaca. Kaca ini akan retak atau pecah jika telefon anda terjatuh ke atas permukaan yang keras atau menerima

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

impak yang kuat. Jika kaca retak atau pecah, dinasihatkan supaya tidak memegang atau cuba untuk membuangnya. Berhenti menggunakan peranti mudah alih anda sehingga kaca digantikan oleh pembekal khidmat yang disahkan.

Kawasan letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Patuhi sekatan, dan ikuti sebarang peraturan yang dikenakan.

Tempat yang mungkin boleh meletup

- Jangan gunakan telefon anda di tempat pengisian bahan api.
- Jangan gunakan berhampiran bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan dalam petak kenderaan anda yang mengandungi telefon mudah alih dan aksesori anda.

Di dalam pesawat

Peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan telefon mudah alih anda sebelum menaiki sebarang pesawat terbang.
- Jangan gunakannya apabila mendarat, tanpa izin anak kapal.

Kanak-kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ia termasuk bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika ia tertanggal.

Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia di bawah semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda hendaklah tidak bergantung semata-mata pada telefon ini untuk panggilan kecemasan. Semak dengan pembekal khidmat tempatan anda.

Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Tidak seperti sistem bateri yang lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.

Garis panduan untuk penggunaan yang selamat dan cekap

- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka pemasangan atau litar pintaskan pek bateri.
- Pastikan sesentuh logam pada pek bateri sentiasa bersih.
- Ganti bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri boleh dicas semula beratus-ratus kali sebelum ia perlu diganti.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolegunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Jangan biarkan bateri di tempat yang panas atau sejuk, ini mungkin akan menjejaskan prestasi bateri.
- Terdapat risiko letupan jika bateri diganti dengan jenis yang salah.
- Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan pengilang. Sila kitar semula yang mana mungkin. Jangan

lupuskan sebagai sampah rumah yang biasa.

- Jika anda hendak mengganti bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau wakil penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.
- Tanggalkan pengecas dari soket dinding selepas telefon dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak perlu.
- Hayat bateri sebenar bergantung kepada konfigurasi rangkaian, tetapan produk, corak penggunaan, dan keadaan bateri dan persekitaran.

Notis penting

Sila semak sama ada sebarang masalah telefon yang anda hadapi telah diterangkan dalam bahagian ini, sebelum anda membawa telefon anda untuk diservis atau memanggil wakil servis.

1. Memori telefon

Apabila ruang yang tinggal pada memori telefon anda kurang daripada 10%, telefon anda tidak akan dapat menerima mesej baru. Anda perlu memeriksa memori telefon anda dan memadamkan sebahagian data, seperti aplikasi atau mesej, untuk menyediakan lebih banyak memori.

Menguruskan aplikasi

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi**, lalu pilih **Tetapan > Aplikasi > Uruskan aplikasi**.
- 2 Selepas semua aplikasi muncul, tatal dan pilih aplikasi yang hendak anda nyahpasang.
- 3 Ketik **Buang pemasangan**, lalu sentuh **OK** untuk menyahpasang aplikasi yang anda pilih.

2. Mengoptimumkan hayat bateri

Anda boleh memanjangkan hayat bateri antara caj dengan mematikan ciri yang tidak perlu dijalankan dalam latar belakang. Anda juga boleh memantau bagaimana aplikasi dan sumber sistem menggunakan kuasa bateri.

Memanjangkan hayat bateri anda

- Matikan komunikasi radio yang tidak anda gunakan. Jika anda tidak menggunakan Wi-Fi, Bluetooth atau GPS, matikan ia.
- Kurangkan kecerahan skrin dan tetapkan masa tamat skrin yang lebih pendek.

- Matikan penyegerakan automatik bagi Google Mail™, Kalendar, Kenalan, dan aplikasi-aplikasi lain.
- Sesetengah aplikasi yang telah anda muat turun mungkin boleh mengurangkan hayat bateri anda.

Memeriksa tahap cas bateri.

- 1 Pada skrin utama, sentuh tab **Aplikasi**, lalu pilih **Tetapan > Mengenai telefon > Status**.
- 2 Status bateri (Mengecas, Tidak mengecas) dan parasnya (peratus dicas) dipaparkan pada bahagian atas skrin.

Notis penting

Memantau dan mengawal apa yang menggunakan kuasa bateri

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi**, lalu pilih **Tetapan > Mengenai telefon > Penggunaan bateri**.
- 2 Masa penggunaan bateri dipaparkan di bahagian atas skrin. Ia memaklumkan tempoh masa semenjak sambungan terakhir kepada sumber kuasa atau, jika disambung kepada sumber kuasa, berapa lama anda bertahan pada kuasa bateri pada kali terakhir ini. Badan skrin menyenaraikan aplikasi

atau perkhidmatan yang menggunakan kuasa bateri, dari jumlah terbesar hingga terkecil.

3. Memasang sistem pengendalian sumber terbuka.

Jika anda memasang dan menggunakan sistem pengendalian (OS) sumber terbuka pada telefon anda, dan tidak menggunakan OS yang disediakan oleh pengilang, telefon anda mungkin akan pincang tugas.

 **AMARAN**

Jika anda memasang dan menggunakan OS selain daripada yang disediakan oleh pengeluar, telefon anda tidak lagi dilindungi oleh waranti.

 **AMARAN**

Untuk melindungi telefon dan data peribadi anda, hanya muat turun aplikasi daripada sumber yang dipercayai, seperti Android Market. Jika terdapat aplikasi yang tidak dipasang dengan betul pada telefon anda, telefon anda mungkin tidak akan berfungsi dengan betul atau ralat yang serius mungkin boleh berlaku. Anda hendaklah menyahpasang aplikasi-aplikasi tersebut dan semua data dan tetapannya daripada telefon.

Notis penting

4. Menggunakan corak buka kunci

Tetapkan corak buka kunci untuk melindungi telefon anda. Ini akan membuka beberapa skrin yang akan memandu anda melalui pelukisan corak buka kunci skrin.

Awas: Wujudkan akaun Gmail dahulu sebelum menetapkan corak buka kunci.

AMARAN

Langkah berjaga-jaga semasa menggunakan kunci corak.

Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak 5 kali. Anda mempunyai 5 peluang untuk memasukkan corak nyahkunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat.

Sekiranya anda tidak ingat corak nyahkunci anda:

Jika anda log masuk ke akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang Forgotten pattern (Terlupa corak). Kemudian, anda akan dikehendaki log masuk dengan akaun Google anda untuk menyahkunci telefon anda.

Jika anda belum membuat akaun Google pada telefon atau anda terlupa, anda perlu melakukan set semula kilang.

Awas: Jika anda melakukan set semula keras, semua aplikasi pengguna dan data pengguna akan terpadam.

5. Menggunakan set semula keras

Jika ia tidak kembali kepada keadaan asal, gunakan set semula keras untuk mengawalkan telefon anda.

Apabila telefon dimatikan, tekan dan tahan kekunci **Kurangkan volum + kekunci Kuasa** selama lebih sepuluh saat. Apabila skrin menunjukkan logo LG, lepaskan kekunci.

Notis penting

Selepas skrin menunjukkan skrin set semula keras, lepaskan kekunci-kekunci lain.

Biarkan telefon anda lebih seminit sambil ia melakukan set semula keras, kemudian telefon anda akan dihidupkan.

Awas: Jika anda melakukan set semula keras, semua aplikasi pengguna dan data pengguna akan terpadam. Ini tidak dapat dibuat asal. Jangan lupa untuk membuat sandaran terhadap mana-mana data penting sebelum melakukan set semula keras.

6. Menyambung ke rangkaian Wi-Fi

Untuk menggunakan Wi-Fi pada telefon anda, anda perlu mengakses pusat akses wayarles atau “hotspot.” Sesetengah pusat akses adalah terbuka dan anda hanya perlu menyambung padanya. Yang lain adalah tersembunyi atau menggunakan ciri keselamatan yang lain, jadi anda hendaklah mengkonfigurasi telefon anda agar dapat menyambung kepadanya.

Matikan Wi-Fi apabila anda tidak

menggunakannya, untuk melanjutkan hayat bateri anda.

Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi**, lalu pilih **Tetapan > Wayarles & rangkaian > Tetapan Wi-Fi**.
- 2 Sentuh **Wi-Fi** untuk menghidupkannya dan memulakan imbasan untuk mencari rangkaian Wi-Fi yang tersedia.
 - Senarai rangkaian Wi-Fi yang tersedia akan dipaparkan. Rangkaian selamat ditandakan oleh ikon kunci.

- 3 Sentuh rangkaian untuk menyambung padanya.
 - Jika rangkaian itu terbuka, anda akan digesa untuk mengesahkan bahawa anda hendak menyambung kepada rangkaian tersebut dengan menyentuh **Sambung**.
 - Jika rangkaian selamat, anda akan diminta untuk memasukkan kata laluan atau kelayakan lain. (Tanyakan pentadbir rangkaian anda untuk mendapatkan butiran.)
- 4 Bar status memaparkan ikon yang menunjukkan status Wi-Fi.

Notis penting

7. Menggunakan kad microSD

Gambar, selain fail muzik dan video, hanya boleh disimpan ke dalam memori luaran.

Sebelum menggunakan kamera binaan dalam, anda perlu memasukkan kad memori microSD ke dalam telefon anda terlebih dahulu.

Tanpa memasukkan kad memori, anda tidak akan dapat menyimpan gambar dan video yang anda ambil menggunakan kamera.

AMARAN

Jangan masukkan atau keluarkan kad memori semasa telefon dalam keadaan hidup. Berbuat demikian mungkin akan merosakkan kad memori juga telefon anda, dan data yang disimpan pada kad memori mungkin akan tercemar. Untuk mengeluarkan kad memori dengan selamat pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi**, lalu pilih **Tetapan > Storan > Menyahlekap kad SD**.

8. Membuka dan beralih aplikasi

Berbilang tugas menjadi mudah dengan Android kerana lebih daripada satu aplikasi boleh berjalan pada masa yang sama.

Tidak perlu keluar dari aplikasi sebelum membuka yang lain. Gunakan dan beralih antara beberapa aplikasi terbuka. Android mengurus setiap aplikasi, menghentikan dan memulakan seperlunya untuk memastikan bahawa aplikasi yang melalu tidak akan menggunakan sumber tanpa keperluan.

Menghentikan aplikasi

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi**, lalu pilih **Tetapan > Aplikasi > Uruskan aplikasi > pilih Berlari**.
- 2 Tatal ke aplikasi yang dikehendaki dan sentuh **Henti** untuk menghentikannya.

PETUA! Untuk kembali ke aplikasi-aplikasi yang baru digunakan, Sentuh dan tahan kekunci Utama. Suatu skrin kemudian akan memaparkan senarai aplikasi yang anda gunakan baru-baru ini.

Notis penting

9. Menyalin LG PC Suite dari Kad SD

LG PC Suite IV adalah program yang membantu anda menyambung telefon mudah alih kepada PC menggunakan kabel komunikasi data USB. Setelah tersambung, anda akan dapat menggunakan fungsi telefon mudah alih pada PC anda.

Fungsi utama LG PC Suite IV

- Membuat, mengedit dan memadamkan data telefon dengan mudah.

- Menyegerakkan data telefon mudah alih dengan data PC (kenalan, kalendar, mesej SMS, penanda buku dan log panggilan)
- Memindahkan fail multimedia (foto, video, muzik) dengan mudah dengan hanya menyeret dan melepaskannya di antara PC dan telefon anda
- Memindahkan mesej dari telefon anda ke PC anda.
- Kemas kinian perisian tanpa kehilangan data anda.

Memasang LG PC Suite daripada kad memori microSD anda

- 1 Masukkan kad memori microSD anda ke dalam telefon anda. (Ia mungkin telah pun dimasukkan.)
- 2 Sebelum menyambungkan kabel data USB, pastikan bahawa mod Penyimpanan massa sahaja didayakan pada telefon anda. (Pada menu aplikasi, pilih Tetapan > Storan > kotak semak Penyimpanan massa sahaja.)
- 3 Gunakan kabel data USB untuk menyambung telefon anda kepada PC.
- 4
 - Pada bar status, seret ikon USB.
 - Pilih **USB disambung** dan **Hidupkan penyimpanan USB**. Kemudian sentuh OK untuk mengesahkan
 - Anda boleh melihat kandungan penyimpanan massa pada PC anda dan memindahkan fail.
- 5
 - Salin folder LG PC Suite IV dalam storan massa ke PC anda.
 - Jalankan fail LGInstaller.exe pada PC anda dan ikuti arahan.

Notis penting

* Apabila pemasangan LG PC Suite IV telah selesai, nyahdayakan mod **Penyimpanan massa sahaja** untuk menjalankan LG PC Suite IV.

NOTA: Jangan keluarkan atau padamkan fail program lain yang dipasang pada kad memori anda. Ini boleh merosakkan aplikasi anda yang telah diprapasang.

10. Menyambungkan telefon anda kepada komputer melalui USB

NOTA: untuk menyegerak telefon dengan PC anda menggunakan kabel USB, anda

perlu memasang program LG PC Suite pada PC anda. Muat turun program dari laman web LG (www.lg.com). Pergi ke www.lg.com dan pilih wilayah, negara dan bahasa anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lawati pelbagai halaman pada laman itu. Kerana PC Suite terdapat pada kad microSD, anda hanya perlu menyalinnya ke PC anda.

LG-E510 tidak menyokong:

- LG Air Sync (Web Sync, R-Click)
- Senarai tugas dalam Kalendar
- Memo
- Aplikasi Java

Selepas memasang PC Suite IV, anda boleh mendapatkan Panduan Pengguna pada menu Bantuan.

- 1 Gunakan kabel USB untuk menyambung telefon anda kepada pangkalan USB pada komputer anda. Setelah bersambung, anda akan menerima pemberitahuan bahawa sambungan USB telah dibuat.
- 2 Buka pelukis pemberitahuan dan sentuh USB disambung.
- 3 Sentuh **Hidupkan penyimpanan USB** untuk mengesahkan bahawa anda hendak memindahkan fail antara kad microSD telefon anda dan komputer.

Anda akan menerima pemberitahuan apabila telefon menyambung sebagai storan USB. Kad microSD telefon anda dipasang sebagai pemacu pada komputer anda. Anda kini boleh menyalin fail ke dalam dan dari kad microSD.

NOTA: Apabila menyahpasang PC Suite IV, pemacu USB dan Bluetooth tidak dialih keluar secara automatik. Dengan itu, anda hendaklah nyahpasang secara manual.

Notis penting

PETUA! Untuk menggunakan kad microSD pada telefon anda sekali lagi, anda perlu membuka pelukis pemberitahuan dan sentuh **Mematikan penyimpanan USB**.

Sepanjang masa ini, anda tidak boleh mengakses kad microSD daripada telefon anda, jadi anda tidak boleh menggunakan aplikasi yang bergantung pada kad microSD tersebut, seperti Kamera, Galeri, dan Muzik.

Untuk memutuskan sambungan telefon anda daripada komputer, ikut arahan komputer anda dengan teliti untuk memutuskan sambungan peranti USB dengan betul, untuk mengelakkan kehilangan maklumat pada kad tersebut.

- 1 Buka pelukis pemberitahuan dan sentuh **Mematikan penyimpanan USB**.
- 2 Putuskan sambungan peranti USB daripada komputer anda dengan selamat.

11. Menyahkunci skrin semasa menggunakan sambungan data

Paparan anda akan menjadi gelap jika tidak disentuh untuk tempoh masa tertentu semasa menggunakan sambungan data. Untuk menghidupkan skrin LCD anda, Tekan kekunci kunci.

12. Pegang telefon anda dalam keadaan tegak lurus

Pegang telefon anda dalam keadaan tegak lurus, sebagaimana telefon biasa. LG-E510

mempunyai antena dalaman. Berhati-hati agar tidak mencalarkan atau merosakkan bahagian belakang telefon, kerana ini akan mengurangkan prestasi.

Semasa membuat/menerima panggilan atau menghantar/menerima data, elakkan daripada memegang bahagian bawah telefon pada kedudukan antena. Berbuat demikian dapat menjejaskan kualiti panggilan.

Notis penting

13. Apabila skrin menjadi kaku

Jika skrin menjadi kaku atau telefon tidak memberi respons ketika anda cuba mengendalikannya:

Keluarkan bateri, masukkannya semula, lalu hidupkan telefon. Jika ia masih tidak berfungsi, sila hubungi pusat servis.


14. Jangan sambung telefon anda ketika anda menghidup/mematikan PC anda.

Pastikan anda menanggalkan kabel data antara telefon dan PC anda; membiarkannya tersambung mungkin akan mengakibatkan ralat pada PC anda.

Mengenali telefon anda

Untuk menghidupkan telefon anda, tekan dan tahan kekunci Kuasa selama 3 saat. Untuk mematikan telefon, tekan dan tahan kekunci Kuasa selama 3 saat, lalu sentuh **Power off** dan **OK**.

Pembesar suara/Penerima



Kekunci Kuasa/Kunci

Hidupkan/matikan telefon anda dengan menekan dan menahan kekunci ini. Matikan dan kunci skrin.

Sensor kedekatan

Kekunci menu

Semak pilihan yang tersedia.


Kekunci utama

Kembali ke laman utama dari mana-mana skrin.

Kekunci Undur

Kembali ke skrin sebelumnya.

Mengenalinya telefon anda



Kekunci volum


Pada skrin utama : mengawal volum pendering.

- Semasa panggilan: mengawal volum dalam panggilan.
- Semasa memainkan lagu: mengawal volum secara berterusan.

Penyambung alat dengar stereo



Kekunci Kuasa/Kunci



Kanta kamera

Penutup belakang

Bateri

Slot kad SIM

Slot kad memori microSD

Pengecas, penyambung kabel mikro USB

NOTA: Sensor kedekatan

Semasa menerima dan membuat panggilan, sensor kedekatan mematikan lampu latar secara automatik dan mengunci pad kekunci sentuh dengan mengesan apabila telefon dekat dengan telinga anda. Ini akan memanjangkan hayat bateri dan mengelakkan pad kekunci sentuh daripada diaktifkan tanpa sengaja semasa panggilan.


⚠️ AMARAN

Meletakkan objek berat di atas telefon atau duduk di atasnya akan merosakkan LCD dan kefungsiannya skrin sentuhnya. Jangan tutup filem pelindung pada sensor kedekatan LCDnya. Ini boleh menyebabkan sensor pincang tugas.


Mengenali telepon anda

Memasang kad SIM dan baterai

1 Untuk mengeluarkan penutup belakang, pegang telepon dengan kukuh pada tangan anda. Dengan tangan yang sebelah lagi, tekan ibu jari anda dengan kukuh pada penutup belakang. Kemudian angkat keluar penutup bateri.



2 Luncurkan kad SIM ke dalam slot kad SIM. Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghadap ke bawah.




- 3** Masukkan baterai dengan menyelaraskan sesentuh emas pada telefon dan bateri.



- 4** Kembalikan penutup belakang telefon ke tempatnya.

Mengenali telefon anda

Mengecas telefon anda

Luncurkan untuk membuka penutup penyambung pengecas pada sisinya. Masukkan pengecas, lalu masukkan plagnya ke dalam alur keluar elektrik. LG-E510 anda hendaklah dicas sebelum anda dapat melihat .



NOTA: Bateri hendaklah dicas sepenuhnya pada awalnya untuk memperbaiki jangka hayat bateri.


Memasang kad memori

Untuk menyimpan fail multimedia, seperti gambar yang ditangkap menggunakan kamera terbina dalam, anda hendaklah memasukkan kad memori ke dalam telefon anda.

NOTA: LG-E510 menyokong kad memori sehingga 32 GB.

Untuk memasukkan kad memori:

- 1 Matikan telefon sebelum memasukkan atau mengeluarkan kad memori. Keluarkan penutup belakang.



- 2 Masukkan kad memori ke dalam slot. Pastikan kawasan sesentuh emas menghadap ke bawah.



Mengenali telefon anda

AMARAN

Jangan masukkan atau keluarkan kad memori semasa telefon dalam keadaan hidup. Berbuat demikian mungkin akan merosakkan kad memori juga telefon anda, dan data yang disimpan pada kad memori mungkin akan tercemar.

Memformatkan kad memori

Kad memori mungkin telah diformatkan. Jika tidak, anda mesti memformatkannya sebelum anda boleh menggunakannya.

NOTA: Semua fail pada kad akan dipadamkan apabila anda memformat kad.

- 1** Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** untuk membuka menu aplikasi.
- 2** Tatal dan sentuh **Tetapan > Storan**, kemudian pilih **Penyimpanan massa sahaja**.
- 3** Sentuh **Menyahlekap kad SD** dan sentuh **OK** untuk mengesahkannya.
- 4** Sentuh **Padam kad SD**, kemudian sahkan pilihan anda.
- 5** Jika anda telah menetapkan kunci corak, masukkan kunci corak, lalu pilih

Memadam semua. Kad kemudiannya akan diformatkan dan sedia untuk digunakan.

NOTA: Jika terdapat kandungan pada kad memori anda, struktur foldernya mungkin berbeza selepas pemformatan memandangkan semua fail telah dipadamkan.

Skrin Utama anda

Petua skrin sentuh

Di sini terdapat beberapa petua mengenai bagaimana untuk menavigasi di sekitar telefon anda.

Sentuh - Untuk memilih menu/pilihan atau membuka aplikasi, sentuh ia.

Sentuh dan tahan - Untuk membuka pilihan menu atau mencapai objek yang anda hendak pindahkan, sentuh dan tahan ia.

Seret - Untuk menatal melalui senarai atau bergerak dengan perlahan, seret merentasi skrin sentuh.

Kuis - Untuk menatal melalui senarai atau bergerak dengan pantas, kuis merentasi skrin sentuh (seret dengan pantas dan lepaskan).

NOTA:

- Untuk memilih item, sentuh bahagian tengah ikon.
- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan yang ringan dan kukuh.
- Gunakan hujung jari anda untuk menyentuh pilihan yang anda kehendaki. Berhati-hati supaya tidak tersentuh mana-mana kekunci lain.

Kunci telefon anda

Apabila anda tidak menggunakan LG-E510, tekan kekunci kuasa untuk mengunci telefon anda. Ini membantu menghalang daripada kekunci ditekan tanpa sengaja dan menjimatkan kuasa bateri.

Juga, jika anda tidak menggunakan telefon buat beberapa lama, skrin Utama atau skrin lain yang sedang anda lihat akan diganti dengan skrin kunci untuk menjimatkan kuasa bateri.

Jika sebarang program sedang berjalan ketika anda menetapkan corak, ia mungkin

akan terus berjalan dalam mod Kunci. Anda disyorkan agar keluar dari semua program sebelum memasuki mod Kunci untuk mengelakkan bayaran yang tak perlu (seperti panggilan telefon, akses Web dan komunikasi data).

Menetapkan corak nyahkunci: anda boleh melukis corak nyahkunci anda sendiri dengan menyambungkan titik-titik. Jika anda menetapkan corak, skrin telefon akan terkunci. Untuk membuka kunci telefon, lukiskan corak yang anda tetapkan pada skrin.

Skrin Utama anda

Awas: Sebelum anda boleh menetapkan corak nyahkunci, anda perlu membuat akaun Gmail anda terlebih dahulu.

Awas: Jika terdapat lebih daripada 5 ralat berturut-turut pelukisan corak, anda tidak akan dapat membuka kunci telefon. Dalam keadaan ini, maklumat peribadi anda dan data yang dimuat turun akan dipadamkan.

Buka kunci skrin

Apabila LG-E510 anda tidak digunakan, ia akan kembali kepada skrin kunci. Seret jari anda dari bawah ke atas untuk membuka kunci skrin.



Mod senyap

Pada pelukis pemberitahuan, sentuh  , untuk bertukar menjadi mod  .

Halaman utama

Hanya sapukan jari anda ke kiri atau kanan untuk melihat panel. Anda boleh

menyesuaikan setiap panel dengan widget, pintasan (ke aplikasi kegemaran anda), folder dan kertas hias dinding.


NOTA: Sesetengah imej skrin mungkin berbeza bergantung pada pembekal telefon anda.

Dalam skrin Utama anda, anda boleh melihat kekunci pantas di bahagian bawah skrin. Kekunci pantas memberikan akses mudah satu sentuhan kepada fungsi yang paling kerap anda gunakan.

 Sentuh ikon **Telefon** untuk membawa ke atas pad dailan sentuh untuk membuat panggilan.

 Sentuh ikon **Kenalan** untuk membuka kenalan anda.

 Sentuh ikon **Mesej** untuk mengakses menu pemesejan. Anda boleh mengarang mesej baru di sini.

 Sentuh tab **Aplikasi** pada bahagian bawah skrin. Anda kemudian boleh melihat semua aplikasi anda yang telah dipasang. Untuk membuka aplikasi yang dikehendaki, hanya sentuh ikon dalam senarai aplikasi.

NOTA: Aplikasi yang telah dipramuat mungkin berbeza bergantung pada perisian telefon anda atau penyedia perkhidmatan anda.

Skrin Utama anda


Menambah widget pada skrin Utama anda

Anda boleh menyuaikan skrin Utama anda dengan menambah pintasan, widget, atau folder padanya. Untuk lebih mudah menggunakan telefon anda, tambah widget kegemaran anda pada skrin Utama.

- 1 Pada skrin Utama, sentuh kekunci **Menu** dan pilih **Tambah**. Atau sentuh dan tahan bahagian kosong pada skrin utama.
- 2 Pada menu **Edit Mode**, sentuh jenis item yang hendak anda tambah.

- 3 Sebagai contoh, pilih **Folders** pada senarai dan ketik ia.
- 4 Anda kemudian akan melihat ikon folder baru pada skrin Utama. Seret ia ke lokasi yang dikehendaki pada panel yang dikehendaki, lalu lepaskan jari anda dari skrin.

PETUA! Untuk menambah ikon aplikasi pada skrin Utama pada menu **Aplikasi**, sentuh dan tahan aplikasi yang hendak anda tambah.

PETUA! Untuk mengeluarkan ikon aplikasi dari skrin Utama, sentuh dan tahan ikon yang hendak anda alih keluar, kemudian seret ke .

NOTA: Anda tidak boleh memadamkan aplikasi yang telah dipramuat. (Hanya ikonnya sahaja yang dapat dipadamkan daripada skrin.)

Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini

1 Sentuh dan tahan kekunci **Utama**. Skrin akan menunjukkan pop timbul dengan

ikon aplikasi yang anda gunakan baru-baru ini.

2 Sentuh ikon untuk membuka aplikasinya. Atau, sentuh kekunci **Kembali** untuk kembali ke aplikasi semasa.

Pelukis pemberitahuan

Pelukis pemberitahuan berjalan merentasi bahagian atas skrin anda.

Skrin Utama anda



Deringan Wi-Fi Bluetooth GPS Data
didayakan

Sentuh dan luncurkan pelukis pemberitahuan ke bawah dengan jari anda. Atau, pada skrin Utama, sentuh kekunci **Menu** dan pilih **Memberitahu**. Di sini anda boleh menyemak dan menguruskan bunyi, Wi-Fi, Bluetooth, dan GPS di samping pemberitahuan lain.

Melihat bar status

Bar status menggunakan ikon berlainan untuk memaparkan maklumat telefon, seperti kekuatan isyarat, mesej baru, hayat

bateri, dan sambungan Bluetooth dan data yang aktif.

Di bawah ialah jadual yang menerangkan makna ikon yang akan anda lihat dalam bar status.



[Status bar]



Skrin Utama anda

Ikon	Huraian
	Tiada kad SIM
	Tiada isyarat
	Mod pesawat
	Bersambung kepada rangkaian Wi-Fi
	Wi-Fi Direct kini hidup.
	Set kepala berwayar

Ikon	Huraian
	Dalam panggilan
	Tunda panggilan
	Pembesar Suara Telefon
	Mikrofon telefon disenyapkan
	Panggilan tidak dijawab
	Bluetooth dihidupkan

Ikon	Huraian
	Bersambung kepada peranti Bluetooth
	Amaran sistem
	Penggera telah ditetapkan
	Mel suara baru
	Pendering disenyapkan

Ikon	Huraian
	Mod getaran
	Bateri dicas sepenuhnya
	Bateri sedang dicas
	Data masuk dan keluar
	Telefon disambungkan dengan PC melalui kabel USB


Ikon	Huraian
	Memuat turun data
	Memuat naik data
	GPS sedang cuba menyambung
	Menerima data lokasi dari GPS
	On-Screen Phone disambungkan

Ikon	Huraian
	3 lagi pemberitahuan tidak dipaparkan
	Data sedang disegerak
	Muat turun selesai
	Gmail baru
	Mesej Google Talk baru

Skrin Utama anda

Ikon	Huraian
	Mesej baru
	Lagi sedang dimainkan
	Acara akan datang
	Radio FM dihidupkan di latar belakang
	SmartShare Hidup


Ikon	Huraian
	Permintaan berkongsi SmartShare
	Penambatan USB sedang aktif
	Hotspot Wi-Fi mudah alih adalah aktif

Ikon	Huraian
	Kedua-dua penambatan USB dan hotspot mudah alih adalah aktif

Papan kekunci atas skrin

Anda juga boleh memasukkan teks menggunakan papan kekunci atas skrin. Papan kekunci atas skrin muncul secara automatik pada skrin apabila anda perlu memasukkan teks. Untuk memaparkan papan kekunci secara manual, hanya sentuh medan teks di mana anda hendak memasukkan teks.

Menggunakan pad kekunci & memasukkan teks

 Ketik sekali untuk menjadikan huruf seterusnya yang anda taip dalam huruf

besar. Ketik dua kali untuk membuatkan semua huruf besar.



Ketik untuk beralih kepada papan kekunci angka dan simbol. Anda juga boleh menyentuh dan menahan tab ini untuk melihat menu Tetapan.



Ketik untuk melihat atau tekan dan tahan bahasa penulisan.



Ketik untuk memasukkan emotikon ketika menulis mesej.



Ketik untuk memasukkan ruang.

Skrin Utama anda

 Ketik untuk membuat baris baru dalam medan mesej.

 Ketik untuk memadam aksara yang sebelumnya.

 Ketik untuk menyembunyikan papan kekunci atas skrin.

Memasukkan huruf aksen

Apabila anda memilih bahasa Perancis atau Sepanyol sebagai bahasa entri teks, anda boleh memasukkan aksara istimewa Perancis atau Sepanyol (seperti "á").

Sebagai contoh, untuk memasukkan "á", sentuh dan tahan kekunci "a" sehingga kekunci zum masuk menjadi semakin besar dan memaparkan aksara daripada pelbagai bahasa. Lalu pilih aksara khas yang anda kehendaki.

Persediaan akaun Google

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat pertama kali, anda mempunyai peluang untuk mengaktifkan rangkaian, mendaftar masuk ke akaun Google anda dan bagaimana anda hendak menggunakan sesetengah perkhidmatan Google.

Untuk menyediakan akaun Google anda:

* Rakam masuk ke Akaun Google dari skrin persediaan yang digesa.

ATAU

* Aplikasi > pilih aplikasi Google, seperti Gmail > pilih Selepas > pilih Reka untuk membuat akaun baru.

Jika anda mempunyai akaun Google, masukkan alamat e-mel dan kata laluan anda, kemudian sentuh Rakam masuk. Setelah anda menyediakan akaun Google anda pada telefon anda, telefon anda akan secara automatik menyegerak dengan akaun Google anda di Web.

Apabila anda mendaftar masuk, kenalan anda, mesej Gmail, acara Kalendar, dan maklumat lain daripada aplikasi dan perkhidmatan ini di Web akan disegerakkan dengan telefon anda. (Ini bergantung pada tetapan penyegerakan anda).

Persediaan akaun Google

Selepas mendaftar masuk, anda boleh menggunakan Gmail™ dan mengambil manfaat daripada perkhidmatan Google pada telefon anda.

Wi-Fi

Dengan Wi-Fi, anda boleh menggunakan akses Internet kelajuan tinggi dalam liputan titik akses wayarles (AP).

Anda boleh menikmati Internet wayarles dengan Wi-Fi, tanpa caj tambahan.


Menghidupkan Wi-Fi

Pada skrin Utama, buka pelukis pemberitahuan dan sentuh .

Atau sentuh **Aplikasi > Tetapan > Wayarles & rangkaian**, kemudian > **Wi-Fi**



Menyambung ke Wi-Fi

Pilih rangkaian Wi-Fi yang padanya hendak anda menyambung. Jika anda nampak , anda perlu masukkan kata laluan untuk menyambung.

NOTA:

- Jika anda di luar kawasan liputan Wi-Fi dan memilih sambungan 3G, caj tambahan mungkin dikenakan.
- Jika telefon anda bertukar menjadi mod tidur semasa bersambung kepada Wi-Fi, sambungan Wi-Fi akan dinyahdaya secara automatik.

Wi-Fi




- Dalam hal ini, jika telefon anda mempunyai akses kepada data 3G, ia mungkin akan menyambung kepada rangkaian 3G secara automatik, dan bayaran tambahan mungkin akan dikenakan.
- LG-E510 menyokong perlindungan WEP, WPA/WPA2-PSK dan 802.1x EAP. Jika pembekal khidmat Wi-Fi atau pentadbir rangkaian anda menetapkan penyulitan bagi keselamatan rangkaian, masukkan kuncinya ke dalam tettingkap pop timbul. Jika penyulitan tidak ditetapkan, tettingkap pop-timbul tidak akan ditunjukkan.

Dapatkan kunci daripada pembekal khidmat Wi-Fi anda atau pentadbir rangkaian.

Berkongsi sambungan data telefon anda

Anda dapat berkongsi sambungan data mudah alih telefon anda dengan satu komputer sahaja melalui kabel USB (penambatan USB). Anda juga boleh berkongsi sambungan data mudah alih telefon anda dengan sehingga lima peranti sekali gus, dengan menjadikan telefon anda hotspot Wi-Fi mudah alih.

Apabila telefon anda berkongsi sambungan datanya, suatu ikon akan muncul dalam bar status dan sebagai pemberitahuan berterusan dalam pelukis pemberitahuan.

Ikon	Huraian
	Penambatan USB sedang aktif
	Hotspot Wi-Fi mudah alih adalah aktif
	Kedua-dua penambatan USB dan hotspot mudah alih adalah aktif

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai penambatan dan hotspot mudah alih, termasuk sistem pengendalian yang disokong dan butiran lain, lawati <http://www.android.com/tether>.

NOTA: Kos tambahan mungkin dikenakan apabila menyambung dan menggunakan perkhidmatan dalam talian. Dapatkan maklumat caj data daripada pembekal rangkaian anda.

Wi-Fi

Tetapan penambatan USB & hotspot Wi-Fi mudah alih

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Tetapan**.
- 2 Sentuh **Wayarles & rangkaian** dan pilih **Penambat & hotspot mudah alih**.
- 3 Pilih pilihan yang hendak anda laraskan.

Penambatan USB – Tandakan untuk berkongsi sambungan data rangkaian mudah alih telefon anda dengan komputer anda, melalui sambungan USB.

Hotspot mudah alih – Tandakan untuk berkongsi sambungan data rangkaian

mudah alih telefon anda sebagai perkongsian Wi-Fi.

Bantuan – Membuka dialog dengan maklumat mengenai penambatan USB dan hotspot mudah alih Wi-Fi di samping tempat mengetahui lebih lanjut.

Untuk berkongsi sambungan data telefon anda melalui USB

Jika komputer anda menjalankan Windows 7 atau edaran baru beberapa jenis Linux (seperti Ubuntu), anda biasanya tidak perlu menyediakan komputer anda untuk penambatan. Tetapi jika anda menjalankan

versi Windows yang lebih awal atau sistem pengendalian yang lain, anda mungkin perlu menyediakan komputer anda untuk memulakan sambungan rangkaian melalui USB. Untuk maklumat terkini tentang sistem pengendalian mana yang menyokong penambatan USB dan cara menyediakan konfigurasinya, lawati <http://www.android.com/tether>.

Penambatan USB dan perkongsian data

Anda tidak boleh mengongsi sambungan data dan kad microSD telefon anda melalui

USB pada masa yang sama. Jika anda menggunakan sambungan USB anda untuk membuatkan kad microSD anda tersedia kepada komputer anda, anda mesti memutuskan sambungannya terlebih dahulu.

- 1 Gunakan kabel USB yang datang bersama telefon anda untuk menyambung telefon anda kepada komputer anda.
- 2 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Tetapan**.

Wi-Fi

- 3 Sentuh **Wayarles & rangkaian** dan pilih **Penambat & hotspot mudah alih**.
- 4 Tandai **Penambatan USB**.
 - Telefon akan mula berkongsi sambungan data rangkaian mudah alihnya dengan komputer anda, melalui sambungan USB. Pemberitahuan berterusan  ditambah kepada bar status dan pelukis pemberitahuan.
- 5 Buang tanda **Penambatan USB** untuk berhenti mengongsi sambungan data anda. Atau hanya putus sambungan kabel USB.

Untuk berkongsi sambungan data telefon anda sebagai hotspot Wi-Fi mudah alih

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Tetapan**.
- 2 Sentuh **Wayarles & rangkaian** dan pilih **Penambat & hotspot mudah alih**.
- 3 Tandakan **Hotspot mudah alih**.
 - Tak lama selepas itu, telefon mula menyiarkan nama rangkaian Wi-Fi (SSID)nya, jadi anda boleh menyambung padanya dengan sehingga lapan komputer atau peranti lain. Pemberitahuan

berterusan  ditambah kepada bar status dan pelukis pemberitahuan.

- Jika **Portable Wi-Fi hotspot** ditandai, anda boleh menukar nama rangkaian atau melindunginya.
- 4** Buang tanda **Hotspot mudah alih** untuk berhenti mengongsi sambungan data anda melalui Wi-Fi.

Untuk menamakan semula atau menjamin keselamatan hotspot mudah alih anda

Anda boleh menukar nama rangkaian Wi-Fi telefon anda (SSID) dan menjamin keselamatan rangkaian Wi-Finya.

- 1** Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Tetapan**.
- 2** Sentuh **Wayarles & rangkaian** dan pilih **Penambat & hotspot mudah alih**.
- 3** Pastikan **Portable Wi-Fi hotspot** ditandai.

Wi-Fi

4 Sentuh tetapan **Portable Wi-Fi hotspot**.

5 Sentuh **Konfigurasi hotspot Wi-Fi**.

- Dialog **Konfigurasi hotspot Wi-Fi** terbuka.
- Anda boleh menukar SSID (nama) rangkaian yang dilihat oleh komputer lain apabila mengimbas untuk mencari rangkaian Wi-Fi.
- Anda juga boleh menyentuh menu **Keselamatan** untuk mengkonfigurasi rangkaian dengan perlindungan Wi-Fi Protected Access 2 (WPA2) dengan kunci yang diprakongsi (PSK).

- Jika anda menyentuh pilihan keselamatan **WPA2 PSK**, medan kata laluan akan ditambah kepada dialog **Konfigurasi hotspot Wi-Fi**. Jika anda memasukkan kata laluan, anda akan perlu memasukkan kata laluan tersebut apabila anda menyambung kepada hotspot telefon dengan komputer atau peranti lain. Atau sentuh **Buka** pada menu **Keselamatan** untuk mengalih keluar keselamatan daripada rangkaian Wi-Fi anda.

PERHATIAN!

Jika anda menetapkan pilihan keselamatan sebagai **Buka**, anda tidak akan dapat menghalang penggunaan perkhidmatan dalam talian yang tidak sah oleh orang lain dan caj tambahan mungkin akan dikenakan. Untuk mengelakkan penggunaan tak sah, anda dinasihatkan agar pilihan keselamatan ini kekal aktif.

6 Sentuh **Simpan**.

Mendayakan Wi-Fi Direct untuk berkongsi melalui SmartShare

Wi-Fi Direct tidak dapat didayakan sambil menggunakan fungsi Wi-Fi yang lain.

Wi-Fi Direct secara automatik mengimbas peranti Wi-Fi Direct, dan peranti yang dicari itu akan disenaraikan mengikut aturan ia sampai dan anda akan dapat memilih peranti khusus untuk berkongsi data multimedia melalui SmartShare.

1 Pada skrin utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Tetapan**.

Wi-Fi

- 2 Sentuh **Wayarles & rangkaian** dan pilih **Tetapan Wi-Fi Direct**.
- 3 Pastikan **Wi-Fi Direct** dipilih.
- 4 Pilih peranti yang hendak disambung dalam senarai peranti yang diimbas.

Forced Group owner mode – Sentuh untuk mengaktifkan mod pemilik kumpulan yang membolehkan peranti legasi Wi-Fi disambungkan dengan mengimbas telefon anda.

Dalam keadaan ini, anda hendaklah memasukkan kata laluan yang ditetapkan dalam **Menu > Lanjutan > Kata laluan**.

NOTA: Apabila telefon anda menjadi pemilik kumpulan, ia akan menggunakan lebih banyak kuasa bateri berbanding menjadi klien. Sambungan Wi-Fi Direct tidak menyediakan khidmat Internet. Kos tambahan mungkin akan dikenakan semasa menyambung dan menggunakan perkhidmatan dalam talian. Dapatkan maklumat caj data daripada pembekal rangkaian anda.

Menggunakan Wi-Fi Cast

Anda boleh berkongsi kandungan muzik, gambar dan video antara pengguna

yang menggunakan Telefon Android yang disambung melalui Wi-Fi & Rangkaian Wi-Fi Direct yang sama.

Semak Wi-Fi & Rangkaian Wi-Fi Direct anda terlebih dahulu dan pastikan pengguna bersambung kepada rangkaian yang sama.

- 1 Pada skrin utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Tetapan**.
- 2 Sentuh **Wayarles & rangkaian** dan pilih **Tetapan Wi-Fi Direct**.
- 3 Pastikan **Wi-Fi Direct** dipilih dan pilih peranti yang hendak disambung dalam senarai peranti yang diimbas.

4 Sentuh **Sambung**.

NOTA:

Wi-Fi Cast diaktifkan antara pengguna.

Pastikan anda menyambung kepada Rangkaian Wi-Fi antara pengguna.

On-Screen Phone

Cara menggunakan On-Screen Phone


On-Screen Phone membolehkan anda melihat skrin telefon mudah alih anda daripada PC melalui sambungan USB atau Bluetooth.

Anda juga boleh mengawal telefon mudah alih anda daripada PC menggunakan tetikus atau papan kekunci.


Ikon On-Screen Phone

 Menyambung atau memutuskan sambungan telefon mudah alih anda

kepada/daripada PC anda.

 Memutar tettingkap On-Screen Phone (hanya tersedia pada aplikasi yang menyokong putaran).

 Menukar keutamaan On-Screen Phone.

 Keluar daripada program On-Screen Phone.

 Meminimumkan tettingkap On-Screen Phone.

Ciri On-Screen Phone

- Pindahan dan kawalan masa nyata: memaparkan dan mengawal skrin telefon

mudah alih anda apabila bersambung kepada PC anda.

- Kawalan tetikus: membolehkan anda mengawal telefon mudah alih anda menggunakan tetikus untuk klik dan seret pada skrin PC anda.
- Masukan teks dengan papan kekunci: membolehkan anda mengarang mesej atau nota teks menggunakan papan kekunci komputer.
- Pindahan fail (telefon mudah alih ke PC): menghantar fail daripada telefon mudah alih anda (seperti foto, video, muzik dan

fail Polaris Office) ke PC anda. Anda hanya perlu mengklik kanan dan menyeret untuk menghantar fail kepada PC anda.

- Pindahan fail (PC ke telefon mudah alih): menghantar fail daripada PC ke telefon mudah alih anda. Anda hanya perlu memilih fail yang hendak anda pindahkan dan menyeret dan melepaskannya dalam tettingkap On-Screen Phone. Fail yang anda hantar disimpan dalam kad microSD.
- Pemberitahuan acara masa nyata: menggesa pop timbul untuk memaklumkan kepada anda mengenai

On-Screen Phone

sebarang panggilan masuk atau mesej teks/multimedia, serta penggera dan pemberitahuan acara.

Bagaimana memasang Ciri On-Screen Phone pada PC anda

Jika anda memuat turun LG PC Suite IV, program On-Screen Phone juga akan dimuat turun ke PC anda. Kemudian anda boleh memasang On-Screen Phone pada PC anda.

Bagaimana menyambung telefon mudah alih anda kepada PC anda

Sambungan USB:

- 1 Buka Connection Wizard, pilih "USB Cable connection" dan klik "Selepas".
- 2 Sambungkan telefon mudah alih anda kepada PC menggunakan kabel USB dan klik "Selepas".
- 3 Masukkan kata laluan On-Screen Phone dan klik "Selepas". Kata laluan asalnya ialah "0000". Anda boleh menukar kata

lalu dalam **Tetapan > Wayarles & rangkaian > Tetapan telefon atas skrin**.

- 4 Klik "OK" untuk keluar daripada tettingkap.

NOTA: Pergi ke **Tetapan > Storan** dan pastikan kotak tanda "Penyimpanan massa sahaja" tidak dipilih.

Sambungan wayarles dengan Bluetooth:

- 1 Pada telefon mudah alih anda, pergi ke **Tetapan > Wayarles & rangkaian > Tetapan Bluetooth**. Pilih **Turn on Bluetooth** lalu pilih **Boleh ditemui**.

- 2 Jika sebelum ini anda telah menyambung menggunakan kabel, jalankan Wizard Sambungan Baru untuk membuat sambungan baru.

- 3 Jalankan Wizard Sambungan pada komputer, pilih "Sambungan Bluetooth", kemudian "Selepas".

- 4 Wizard akan mula mencari telefon mudah alih berdaya Bluetooth. Apabila telefon mudah alih yang kepadanya anda hendak menyambung muncul, klik "Henti" untuk berhenti mencari.


On-Screen Phone

- 5 Pilih "LG-E510" daripada senarai peranti dan klik "Selepas". Anda boleh menamakan semula peranti jika mahu.
- 6 Masukkan kod PIN (seperti "0000") lalu klik "Selepas".
- 7 Pada telefon mudah alih anda, terima permintaan dan masukkan kod PIN yang sama, kemudian sentuh "OK".
- 8 Masukkan kata laluan On-Screen Phone lalu klik "Selepas" (kata laluan asalan ialah "0000").
- 9 Sentuh "OK" untuk keluar.

Untuk memeriksa sambungan telefon kepada PC

Selepas sahaja peranti disambungkan, seret ke bawah bar pemberitahuan di bahagian atas skrin utama untuk memeriksa status sambungan On-Screen Phone.

Untuk memutuskan sambungan telefon anda daripada PC anda





Klik  pada sebelah atas kiri tettingkap On-Screen Phone. Atau, seret ke bawah bar pemberitahuan di bahagian atas skrin utama


lalu pilih "On-Screen Phone". Sentuh "Ya" dalam tettingkap Diputuskan.

NOTA: Anda hendaklah memulakan semula telefon anda selepas menutup perkhidmatan On-Screen Phone.


Panggilan

Membuat panggilan

- 1 Sentuh  untuk membuka pad kekunci.
- 2 Masukkan nombor menggunakan pad kekunci. Untuk memadam satu digit, sentuh ikon **Kosongkan** .
- 3 Sentuh ikon **Panggilan**  untuk membuat panggilan.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, sentuh ikon **Tamat** .

PETUA! Untuk memasukkan “+” ketika membuat panggilan antarabangsa, sentuh dan tahan .

Membuat panggilan kepada kenalan anda

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Tatal menerusi senarai kenalan atau masukkan huruf pertama kenalan yang hendak anda panggil dengan menyentuh **Cari**.
- 3 Dalam senarai, sentuh kenalan yang hendak anda panggil dan ketik nombor atau ikon panggilan untuk membuat panggilan.

Menjawab dan menolak panggilan

Jika Skrin berkunci dan telefon anda berbunyi, seret ikon **Jawab**  ke kanan. Seret ikon **Tolak**  ke kiri untuk menolak panggilan masuk. Seret bar **Mesej alasan** dari bawah jika anda hendak menghantar alasan. Jika pemanggil tidak diketahui, bar **Mesej alasan** tidak tersedia.

PETUA! Mesej alasan




Apabila anda menolak panggilan, anda boleh menghantar mesej dengan cepat dengan menyentuh Hantar SMS. Ini berguna jika anda perlu membalas mesej semasa mesyuarat.

Melaraskan volum panggilan

Untuk melaraskan volum semasa panggilan, gunakan kekunci Naik dan Turun Volum pada sisi kiri telefon.

Panggilan

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa panggilan awal anda, ketik **Menu** dan pilih .
- 2 Dial nombor, atau cari kenalan anda.
- 3 Sentuh ikon **Panggilan**  untuk menyambung panggilan.
- 4 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan pertama anda akan dikunci dan ditunda.
- 5 Sentuh senarai panggilan ditahan untuk beralih antara panggilan. Atau sentuh  **Gabungkan panggilan** untuk membuat panggilan persidangan.

- 6 Untuk menamatkan panggilan aktif, sentuh **Tamat**.

NOTA: Anda akan dikenakan bayaran bagi setiap panggilan yang anda buat.

Melihat log panggilan anda

Pada skrin Utama, sentuh  dan pilih tab **Log panggilan**.

Lihat senarai lengkap panggilan suara yang didail, diterima dan yang tidak dijawab.

PETUA! Sentuh mana-mana entri log untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.

PETUA! Tekan kekunci **Menu**, kemudian sentuh **Padam semua** untuk memadamkan semua item yang direkodkan.

Tetapan panggilan

Anda akan dapat mengkonfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, dan ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** untuk membuka menu aplikasi.
- 2 Tatal dan sentuh **Tetapan**.

- 3 Ketik **Tetapan panggilan** dan pilih pilihan yang hendak anda laraskan.

Kenalan




Anda akan dapat menambah kenalan pada telefon anda dan menyegerakkannya dengan kenalan dalam Akaun Google anda atau akaun lain yang menyokong penyegerakan kenalan.

Mencari Kenalan

Pada skrin Utama

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh **Cari** dan masukkan nama kenalan menggunakan pad kekunci.

Menambah kenalan baru


- 1 Sentuh , masukkan nombor telefon kenalan baru, dan kemudian tekan kekunci **Menu**. Sentuh **Tambah pada kenalan** dan kemudian **Buat kenalan baru**.
- 2 Jika anda mahu menambah gambar pada kenalan baru, sentuh . Pilih antara **Menangkap gambar** atau **Pilih daripada galeri**.
- 3 Pilih jenis kenalan dengan menyentuh .

- 4 Sentuh kategori maklumat kenalan dan masukkan butiran mengenai kenalan anda.
- 5 Sentuh **Simpan**.

Kenalan kegemaran


Anda boleh mengelaskan kenalan yang kerap dipanggil sebagai kegemaran.

Menambah kenalan pada kegemaran anda.

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh kenalan untuk melihat butirannya.

- 3 Sentuh bintang di sebelah kanan nama kenalan. Bintang bertukar keemasan.

Mengeluarkan kenalan daripada senarai kegemaran anda

- 1 Sentuh  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Sentuh tab Kumpulan, pilih Kegemaran di bahagian atas senarai dan pilih kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Sentuh bintang Emas di sebelah kanan nama kenalan. Bintang bertukar kelabu dan kenalan ini akan dikeluarkan daripada kegemaran anda.

Kenalan

Memindahkan kenalan dari telefon lama ke telefon baru anda.

Eksport kenalan anda sebagai fail CSV dari telefon lama ke PC anda menggunakan program penyegerakan PC.

- 1** Muat turun PC Suite IV di www.lg.com dan pasang ia pada PC. Jalankan program dan sambung telefon mudah alih Android anda kepada PC menggunakan kabel USB.
- 2** Pilih ikon **Kenalan**. Pergi ke **Menu** >

Fail > **Import** dan pilih fail CSV yang disimpan dalam PC anda.


- 3** Jika medan dalam fail CSV yang diimport berbeza dengan yang terdapat pada LG PC Suite IV, anda perlu memetakan medan-medan ini. Selepas memetakan medan-medan ini, klik OK. Kenalan akan ditambah kemudiannya pada PC Suite IV.
- 4** Jika PC Suite IV mengesan sambungan telefon LG-E510 anda (menggunakan kabel USB:), klik **Pygrkn** atau **Segerak** kenalan untuk menyegerak kenalan yang disimpan dalam PC anda dengan telefon anda.

Pemesejan/e-mel

Pemesejan

LG-E510 anda menggabungkan SMS dan MMS menjadi satu menu intuitif yang mudah digunakan.

Menghantar mesej

- 1 Sentuh ikon  pada skrin utama, dan sentuh **Mesej Baru** untuk membuka mesej kosong.
- 2 Masukkan nama kenalan atau nombor panggilan dalam medan **To**. Sambil anda memasukkan nama kenalan, kenalan yang sepadan akan muncul. Anda boleh


menyentuh penerima yang dicadangkan. Anda boleh menambah berbilang kenalan.


NOTA: Anda akan dikenakan caj bagi mesej teks untuk setiap orang yang anda hantar mesej.

- 3 Sentuh medan Tulis mesej dan mulalah mengarang mesej anda.
- 4 Sentuh kekunci Menu untuk membuka menu pilihan. Pilih antara Panggilan, Tambah subjek, Buang, Lampirkan dan banyak lagi.
- 5 Sentuh **Hantar** untuk menghantar mesej anda.

Pemesejan/e-mel

- 6 Skrin mesej terbuka, dengan mesej anda terletak selepas Recipient Name/Number (Nama/Nombor Penerima). Maklum balas muncul pada skrin. Semasa anda melihat dan menghantar mesej tambahan, urutan mesej akan diwujudkan.

 **AMARAN:** Had 160 aksara mungkin berbeza antara negara bergantung pada cara SMS dikodkan dan bahasanya.

 **AMARAN:** Jika fail imej, video, atau audio ditambah pada mesej SMS, ia akan secara automatik ditukar kepada mesej MMS, dan anda akan dikenakan caj yang sewajarnya.

NOTA: Apabila anda mendapat mesej SMS semasa panggilan, pemberitahuan dering akan diberi.

Peti teruntai

Mesej (SMS, MMS) yang ditukar dengan pihak lain boleh dipaparkan dalam turutan

kronologi agar anda boleh melihat gambaran keseluruhan perbualan anda dengan mudah.

Menggunakan Senyuman

Ceritakan mesej anda menggunakan Senyuman.

Semasa menulis mesej baru, sentuh kekunci **Menu**, kemudian pilih **Memasukkan senyuman**.

Menukar tetapan mesej anda

Tetapan mesej LG-E510 anda telah dipraktikkan, agar anda dapat menghantar mesej dengan serta-merta. Anda boleh menukar tetapan berdasarkan keutamaan anda.



AMARAN: Dalam mod ini, peranti Pelanggan MMS membantu pengguna membuat dan menghantar mesej dengan kandungan milik Domain Kandungan Teras MM. Panduan ini diberikan melalui dialog amaran.

Pemesejan/e-mel

Membuka E-mel dan Skrin Akaun

Anda boleh menggunakan aplikasi **E-mel** untuk membaca e-mel daripada perkhidmatan selain daripada Google Mail. Aplikasi E-mel menyokong jenis akaun berikut: POP3, IMAP dan Exchange.

Untuk membuka aplikasi E-mel

Pada skrin Utama, sentuh Aplikasi > E-mel Pilih Email Service Provider.

Wizard persediaan akan terbuka untuk membantu anda menambah akaun e-mel. Selepas persediaan awal, E-mel akan

memaparkan kandungan Peti masuk anda (jika anda hanya mempunyai satu akaun) atau skrin Akaun (jika anda mempunyai berbilang akaun).

Skrin Akaun

Skrin Akaun menyenaraikan Peti Masuk Digabungkan dan setiap akaun e-mel anda.

- 1 Buka aplikasi **E-mel**. Tetapi jika anda tidak berada pada skrin Akaun, tekan kekunci **Menu** dan sentuh **Akaun**.
- 2 Pilih pembekal khidmat E-mel.



- Sentuh untuk membuka Peti Masuk Digabungkan anda, dengan mesej

yang dihantar kepada semua akaun anda.



- Sentuh untuk membuka senarai mesej anda yang berbintang sahaja.



- Sentuh ikon folder untuk membuka folder akaun.

Anda boleh menyentuh satu akaun untuk melihat Peti masuknya. Akaun yang daripadanya anda menghantar e-mel secara asalan ditunjukkan dengan tanda rait.

Untuk membuka Peti Masuk Digabungkan anda

Jika anda mengkonfigurasikan E-mel

untuk menghantar dan menerima e-mel daripada lebih daripada satu akaun, anda boleh melihat semua mesej yang dihantar kepada semua akaun dalam Peti Masuk Digabungkan anda.

1 Sentuh **E-mel**.

2 Sentuh **Peti Masuk Digabungkan** (pada skrin Akaun). Mesej-mesej dalam Peti Masuk Digabungkan berkod warna sepanjang sisi kirinya, mengikut akaun, menggunakan warna yang sama dengan yang digunakan bagi akaun-akaun anda pada skrin Akaun.

Pemesejan/e-mel

Hanya e-mel terbaru dalam akaun anda yang akan dimuat turun ke dalam telefon anda. Untuk memuat turun lebih banyak mesej e-mel (yang lebih awal), sentuh

Memuat lebih banyak mesej di bahagian bawah senarai e-mel.

Mengarang dan Menghantar E-mel


Untuk mengarang dan menghantar mesej:

- 1 Semasa dalam aplikasi **E-mel**, sentuh kekunci **Menu** dan sentuh **Menggubah**.
- 2 Masukkan alamat penerima mesej.

Sambil anda memasukkan teks, alamat sepadan akan ditawarkan daripada Kenalan anda. Pisahkan alamat berbilang dengan tanda koma.

- 3 Sentuh kekunci **Menu** dan sentuh **Menambah Sk/Skt** untuk membuat salinan sk atau skt bagi kenalan/alamat e-mel yang lain.
- 4 Masukkan teks bagi mesej.
- 5 Sentuh **kekunci Menu** dan sentuh **Menambah lampiran** untuk menghantar fail bersama-sama mesej itu.

6 Sentuh butang **Hantar**

Jika anda belum bersedia untuk menghantar mesej, sentuh kekunci Simpan sebagai draf untuk menyimpannya dalam folder Draf. Sentuh mesej draf dalam folder Draf untuk menyambung penulisan mesej itu. Mesej anda juga akan disimpan sebagai draf jika anda menyentuh kekunci **Kembali**  sebelum menghantarnya. Sentuh butang **Buang** untuk mengabaikan dan memadamkan mesej, termasuk mana-mana draf yang disimpan. Jika anda tidak

disambung kepada rangkaian, contohnya, jika anda dalam mod pesawat, mesej yang anda hantar akan disimpan dalam folder Peti keluar anda hinggalah anda disambung semula kepada rangkaian. Jika ia mengandungi sebarang mesej yang belum dihantar, Peti keluar akan dipaparkan pada skrin Akaun.

Sila ambil perhatian bahawa mesej yang dihantar menggunakan akaun Exchange tidak akan disimpan pada telefon; sebaliknya terletak di Exchange server sendiri. Jika anda hendak melihat mesej yang

Pemesejan/e-mel

anda hantar dalam folder Dihantar (atau dengan label Dihantar), anda biasanya perlu membuka folder/label Dihantar dan memilih Semula daripada Menu pilihan.

PETUA! Apabila e-mel baru sampai ke dalam peti masuk, anda akan menerima pemberitahuan bunyi atau getaran.

Menggunakan Folder Akaun

Setiap akaun mempunyai folder Peti masuk, Peti keluar, Dihantar, dan Draf. Bergantung pada ciri-ciri yang disokong oleh penyedia

perkhidmatan akaun anda, anda boleh mempunyai folder tambahan.

Menambah dan Mengedit Akaun e-mel

- 1 Untuk menambahkan akaun e-mel, Sentuh tab Aplikasi dan pilih E-mel.
- 2 Pilih MS Exchange atau Lain-lain, dan masukkan tetapan akaun.
- 3 Jika akaun e-mel telah sedia wujud, anda hendaklah menyentuh kekunci Menu lalu ketik Tambah akaun pada Skrin Akaun.

- 4 Masukkan nama bagi akaun, sahkan nama yang dikehendaki untuk muncul dalam mel keluar, kemudian sentuh Selesai.

Untuk menukar tetapan akaun

- 1 Buka skrin Akaun.
- 2 Sentuh dan tahan akaun yang hendak anda tukar tetapannya. Dalam menu yang terbuka., sentuh **Tetapan akaun**.

Untuk memadamkan akaun e-mel

- 1 Buka skrin Akaun.
- 2 Sentuh dan tahan akaun yang hendak anda padamkan.

- 3 Sentuh **Keluarkan akaun** dalam menu yang terbuka.
- 4 Sentuh butang **OK** dalam kotak dialog untuk mengesahkan bahawa anda hendak memadamkan akaun tersebut.

Rangkaian Sosial



Rangkaian Sosial

Dengan telefon anda, anda boleh mengambil manfaat daripada Rangkaian Sosial dan menguruskan blog mikro anda dalam komuniti dalam talian. Anda boleh mengemas kini status semasa anda, memuat naik foto, dan melihat kemas kini status rakan-rakan anda dalam masa nyata.

Anda boleh menambah akaun Facebook, Twitter atau Myspace pada telefon anda. Jika anda tidak mempunyai akaun, anda boleh melawat tapak mereka untuk menyediakannya.

NOTA: Kos tambahan mungkin dikenakan apabila menyambung dan menggunakan perkhidmatan dalam talian. Dapatkan maklumat caj data daripada pembekal rangkaian anda.

Menambah akaun anda pada telefon anda

- 1 Sentuh dan tahan skrin utama. Apabila pelbagai Widget muncul, pilih Sosial+  dan ketik butang Tetapan . Anda juga boleh mengaksesnya dengan cara lain, pada skrin utama, pilih Aplikasi > Tetapan > Akaun & selari > Tetapan Sosial+.

- 2 Pilih mana-mana aplikasi klien Rangkaian Sosial yang hendak anda gunakan antara Facebook, Twitter, dan MySpace for LG.
- 3 Masukkan alamat e-mel dan kata laluan komuniti anda, kemudian ketik Log masuk.
- 4 Tunggu sambil maklumat anda disahkan oleh komuniti anda.
- 5 Jika anda ketik komuniti anda, anda boleh melihat status semasanya.

PETUA! Jika anda menambah widget rangkaian sosial pada skrin utama anda, widget akan memaparkan status anda apabila telefon anda mengemas kini daripada rangkaian. Anda juga boleh mengakses komuniti sosial secara langsung dengan menyentuh widget ini.

Melihat dan mengemas kini status anda

- 1 Anda boleh melihat dan mengemas kini kandungan komuniti sosial menggunakan widget Sosial+ pada bila-bila masa.

Rangkaian Sosial

- 2 Pada widget Sosial+, pilih perkhidmatan Rangkaian Sosial yang hendak anda log masuk. Anda kemudiannya akan melihat status dan kandungan anda.
- 3 Apabila anda menyentuh kotak input, skrin akan bertukar kepada mengemas kini status semasa anda dengan komen atau memuat naik foto.

PETUA! Anda boleh mengemas kini status anda dan memuat naik foto serentak ke Facebook for LG, Twitter for LG dan MySpace for LG dengan memilih kotak semak.

NOTA: Ini bergantung kepada perkhidmatan rangkaian.


PETUA! Anda boleh menyegerak kenalan rakan anda kepada senarai kenalan anda.

Mengalih keluar akaun daripada telefon anda

Pilih **Tetapan > Akaun & selari > Pilih akaun yang hendak anda padamkan > Sentuh Keluarkan akaun.**

Kamera

Mengenali pencari pandangan




PETUA! Anda boleh tutup semua pilihan pintasan untuk mendapatkan skrin pencari pandangan yang lebih jelas dengan menyentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk memaparkan pilihan, sentuh skrin sekali lagi.

- 1 **Zum** – Zum masuk atau zum keluar. Sebagai pilihan, anda boleh menggunakan kekunci volum sisi.
- 2 **Kecerahan** – Ini menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki imej. Luncurkan penunjuk kecerahan di sepanjang bar, ke arah “-” untuk mengurangkan kecerahan imej atau ke arah “+” untuk meningkatkannya.
- 3 **Mod adegan** – Pilih antara **Auto, Potret, Lanskap, Sukan, Malam** dan **Tenggelam matahari**.
- 4 **Saiz imej** – Sentuh untuk menetapkan saiz (dalam piksel) gambar yang anda ambil.
- 5 **Tetapan** – sentuh ikon ini untuk membuka menu Tetapan. Lihat 'Menggunakan tetapan lanjutan'.
- 6 **Video mode** – luncurkan ikon ini ke bawah untuk beralih kepada mod video.
- 7 **Menangkap foto**
- 8 **Galeri** – Sentuh untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap. Ini akan membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat foto yang disimpan dari dalam mod kamera.

Kamera

Menangkap foto pantas

- 1 Buka aplikasi **Kamera**.
- 2 Dengan memegang telefon secara mendatar, halakan lensa ke arah subjek yang hendak anda ambil gambarnya.
- 3 Di tengah skrin pencari pandangan, kotak fokus mula berkelip sambil ia mencuba memfokus kepada subjek.
- 4 Kotak fokus bertukar menjadi hijau apabila subjek kini terfokus.
- 5 Tekan butang tangkap . Anda boleh menekan butang tangkap tanpa mengira

sama ada kotak fokus berwarna hijau atau tidak.

Setelah anda mengambil gambar

Foto yang anda tangkap akan muncul pada skrin.

Kongsi

Sentuh untuk berkongsi foto anda menggunakan **SmartShare, Bluetooth, E-mel, Gmail, Mesej, Picasa, Sosial+** atau **Wi-Fi Cast**.

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

PETUA! Jika anda mempunyai akaun SNS dan menetakannya pada telefon anda, anda boleh berkongsi foto anda dengan komuniti SNS.

Tetapkan sebagai

Sentuh untuk menggunakan imej sebagai **ikon kenalan** atau **kertas dinding**.

Namakan semula

Sentuh untuk mengedit nama gambar yang dipilih.



Sentuh untuk memadam imej.



Sentuh untuk terus mengambil foto lain. Gambar semasa anda akan disimpan.



Sentuh untuk melihat foto terakhir yang anda tangkap di samping galeri.

Menggunakan tetapan lanjutan

Dalam pencari pandangan, sentuh  untuk membuka semua pilihan lanjutan.

Tukar tetapan kamera dengan menatal senarai ini. Selepas memilih pilihan, sentuh kekunci **Kembali**.

ISO – Pengadaran ISO menentukan kepekaan sensor cahaya kamera. Semakin tinggi ISOnya, semakin sensitif kamera itu.

Kamera

Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila anda tidak dapat menggunakan denyar. Pilih antara nilai ISO **Auto**, **400**, **200** dan **100**.

Pengimbang putih – Pilih antara **Auto**, **Inkandesen**, **Cerah**, **Floresen**, dan **Berawan**.

Color effect – Pilih rona warna bagi foto baru anda.

Pemasa – Pemasa sendiri membolehkan anda menetapkan masa tunda selepas butang tangkap ditekan. Pilih **Off**, **3 saat.**, **5**

saat. atau **10 saat.** Ini sangat sesuai jika diri anda juga hendak disertakan dalam gambar.

Kualiti imej – Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Semakin halus kualiti, semakin tajam fotonya. Walau bagaimanapun, akibatnya saiz fail akan bertambah, yang bermakna kurang foto yang dapat disimpan dalam memori.

Ulasan auto – Jika anda menghidupkan **Ulasan auto**, secara automatik ia akan menunjukkan gambar yang baru anda ambil.


Bunyi pengatup – Pilih satu antara empat bunyi pengatup.

Tag location – Aktifkan untuk menggunakan perkhidmatan berasaskan lokasi pada telefon anda. Ambil gambar di mana sahaja anda berada dan tag ia bersama lokasi.

Jika anda memuat naik gambar yang ditag pada blog yang menyokong geo-tag, anda boleh melihat gambar tersebut dipaparkan di atas peta.

NOTA: Fungsi ini hanya tersedia apabila GPS aktif.

 – Kembalikan semua tetapan nilai lalai kamera.

 – Sentuh ini jika anda hendak mengetahui bagaimana fungsi ini berjalan. Ini menyediakan panduan ringkas untuk anda.

PETUA! Apabila anda keluar dari kamera, beberapa tetapan akan kembali kepada nilai asalnya, sepertiimbangan putih, kesan warna, pemasa dan mod adegan. Periksa yang berikut ini sebelum mengambil foto anda yang seterusnya.

Kamera

PETUA! Menu tetapan akan menindan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna atau kualiti imej, anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu Tetapan.

Melihat foto yang disimpan

Akses foto yang telah anda simpan ketika dalam mod **Kamera**. Hanya sentuh  dan sentuh skrin. Anda kemudiannya akan nampak **Slideshow** dan **Menu**.

PETUA! Kuis kiri atau kanan untuk melihat foto atau video lain.



- Sentuh untuk melihat tayangan slaid.



- Sentuh untuk berkongsi kandungan atau padamkan foto. Sentuh **Lagi** untuk mendapatkan lebih banyak pilihan.

Butiran – Semak maklumat mengenai kandungannya.

Tetapkan sebagai – Tetapkan sebagai ikon kenalan atau kertas hias dinding.

Kerat – Pangkas foto anda. Alihkan jari anda merentasi skrin untuk memilih kawasan.

Putar – Putar ke kiri atau kanan.


Kamera video


Mengenali pencari pandangan



- 1 Zum** - Zum masuk atau zum keluar. Sebagai pilihan, anda boleh menggunakan kekunci volumn sisi.
- 2 Kecerahan** - Ini menentukan dan mengawal jumlah cahaya matahari yang memasuki video. Luncurkan penunjuk kecerahan di sepanjang bar, ke arah "-" untuk mengurangkan kecerahan video atau ke arah "+" untuk meningkatkannya.
- 3 Saiz video** – Sentuh untuk menetapkan saiz (dalam piksel) bagi video yang anda rakam.
- 4 Tempoh** - Tetapkan had tempoh bagi video anda. Pilih antara Normal dan MMS untuk menghadkan saiz maksimum untuk dihantar sebagai mesej MMS.
- 5 Tetapan** - Sentuh ikon ini untuk membuka menu tetapan. Lihat 'Menggunakan tetapan lanjutan'.
- 6 Mod kamera** - Luncurkan ikon ini ke atas untuk menukar kepada mod kamera.
- 7 Mula merakam**
- 8 Galeri** - Sentuh untuk melihat video terakhir yang anda rakamkan. Ini membolehkan anda mengakses galeri anda dan melihat video anda yang disimpan dari dalam mod video.

Menangkap video pantas

- 1 Luncurkan butang mod **Kamera** ke bawah dan ikon akan bertukar menjadi .
- 2 Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
- 3 Dengan memegang telefon secara mendatar, halakan lensa ke arah subjek yang hendak anda tangkap dalam video anda.
- 4 Tekan butang Rekod  sekali untuk mula merakam.

- 5 REC akan muncul di bahagian bawah pencari pandangan dengan pemasa yang menunjukkan tempoh video.
- 6 Sentuh  pada skrin untuk berhenti merakam.

Selepas menangkap video

Imej pegun yang mewakili video anda akan muncul pada skrin.


Main Sentuh untuk memainkan video.


Kongsi Sentuh untuk berkongsi video anda melalui **SmartShare, Bluetooth, E-mel, Gmail, Mesej, Wi-Fi Cast** atau **YouTube**.

Kamera video

NOTA: Caj tambahan mungkin akan dikenakan semasa mesej MMS dimuat turun ketika dalam perayauan.

Namakan semula Sentuh untuk mengedit nama video yang dipilih.

 Sentuh untuk mengambil video lain serta merta. Video semasa anda akan disimpan.

 Sentuh untuk memadamkan video yang baru saja anda buat. Sahkan dengan menyentuh **OK**. Pencari pandangan akan muncul semula.

 Sentuh untuk melihat video terakhir yang anda rakamkan, juga galeri.

Menggunakan tetapan lanjutan

Menggunakan pencari pandangan, sentuh  untuk membuka semua pilihan lanjutan. Laraskan tetapan kamera video dengan menatal melalui senarai. Selepas memilih pilihan, sentuh kekunci **Kembali**.

Pengimbang putih – Keseimbangan putih memastikan bahawa kawasan putih dalam video anda adalah realistik. Untuk mendayakan kamera anda supaya

melaraskanimbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan pencahayaan. Pilih antara **Auto**, **Inkandesen**, **Cerah**, **Floresen** dan **Berawan**.

Color effect – Pilih nada warna yang hendak digunakan pada paparan baru anda.


Kualiti video – Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**.

Rakaman suara – Pilih **Bisu** untuk merakam video tanpa bunyi.


Ulasan auto – Ulasan auto secara automatik akan menunjukkan kepada anda

video yang baru anda rakam.

 – Kembalikan semua tetapan lalai kamera video.

 – Sentuh ini jika anda hendak mengetahui bagaimana fungsi ini berjalan. Ini menyediakan panduan ringkas untuk anda.

Melihat video anda yang disimpan

- 1 Dalam pencari pandangan, sentuh .
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Sentuh sekali video untuk dibawa ke hadapan galeri. Ia mula dimainkan secara automatik.

Kamera video

Melaraskan volumn semasa melihat video

Untuk melaraskan volumn video semasa ia sedang dimainkan, gunakan kekunci volumn pada sisi kiri telefon.

Multimedia

Anda boleh menyimpan fail multimedia pada kad memori agar mudah bagi anda untuk mencapai semua fail imej dan video anda.

Sentuh tab **Aplikasi**, kemudian pilih **Galeri**. Anda boleh membuka bar katalog yang menyimpan semua fail multimedia anda.

NOTA: Pastikan anda memasang kad memori ke dalam telefon untuk menyimpan foto dan video. Tanpa kad memori, telefon tidak akan memaparkan foto atau video kecuali imej Picasa yang terdapat dalam album Picasa anda.

Mod paparan

Sentuh **Galeri**. Pandangan folder akan dipaparkan.

Sentuh mana-mana folder dan ia akan bertukar menjadi mod pandangan grid. Jika anda ketik foto, ia akan bertukar menjadi mod pandangan penuh.

Paparan garis masa

Galeri LG-E510 menyediakan pandangan garis masa bagi foto dan video anda. Dalam mod pandangan grid, seret  ke kanan dan tarikh anda mengambil gambar akan

Multimedia

dipaparkan, bermula dengan yang terkini. Jika anda memilih tarikh khusus, semua foto yang anda ambil pada hari tersebut akan dikelompokkan.

Menggunakan SmartShare

SmartShare menyediakan untuk anda cara yang lebih baik untuk menikmati kandungan multimedia dengan peranti berdaya DLNA (Digital Living Network Alliance) yang lain.

* **Berkongsi kandungan media anda dengan peranti-peranti DLNA (DMS) yang lain**

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **SmartShare**.
 - 2 Sentuh kekunci **Menu** lalu pilih **Tetapan**.
 - 3 Sentuh kotak semak Boleh ditemui untuk menghidupkannya.
 - 4 Anda boleh menukar nama peranti anda, ikon dan memilih jenis kandungan yang dikongsi.
- * **Biarkan peranti penyampai anda (seperti TV) memainkan kandungan multimedia daripada pustaka kandungan jauh (seperti PC)**

- 1 Sentuh butang atas kanan untuk memilih peranti daripada senarai penyampai.
- 2 Sentuh butang atas kiri dan pilih salah satu pustaka kandungan jauh.
- 3 Anda boleh menyemak imbas pustaka kandungan jauh ini.
- 4 Sentuh imej kecil kandungan atau tekan kekunci **Menu** dan pilih butang Main.

Notis: Pastikan bahawa peranti anda bersambung dengan rangkaian rumah anda menggunakan sambungan Wi-Fi agar anda dapat menggunakan aplikasi ini.





Notis: Ada di kalangan peranti berdaya DLNA (seperti TV) yang menyokong hanya ciri DMP pada DLNA tidak akan muncul dalam senarai peranti penyampai.

Muzik

LG-E510 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua lagu kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, sentuh **Muzik**.

Multimedia

Memainkan lagu

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Muzik**.
- 2 Sentuh **Lagu**.
- 3 Pilih lagu yang anda hendak mainkan.
- 4 Sentuh  untuk menjedakan lagu.
- 5 Sentuh  untuk melangkaui ke lagu seterusnya.
- 6 Sentuh  untuk kembali ke permulaan lagu. Sentuh  dua kali untuk kembali kepada lagu sebelumnya.

Untuk menukar volumn semasa mendengar muzik, tekan kekunci volumn ke atas dan bawah pada sisi kiri telefon.

Sentuh dan tahan sebarang lagu dalam senarai. Ia akan memaparkan **Main, Tambah pada senarai main, Gunakan sebagai nada dering telefon, Padam, Butiran, Kongsi** dan **Cari** sebagai pilihan.

NOTA: Hak cipta fail muzik mungkin dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional. Oleh itu, kebenaran atau lesen mungkin perlu diperolehi sebelum anda boleh mengeluarkan semula atau menyalin muzik. Di sesetengah negara, undang-undang nasional melarang penyalinan bahan berhak cipta untuk kegunaan peribadi. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, semak undang-undang nasional negara yang berkenaan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

Memindahkan fail menggunakan peranti storan massa USB

Untuk memindahkan fail menggunakan peranti USB:

- 1 Sambung LG-E510 kepada PC menggunakan kabel USB.
- 2 Jika anda belum memasang Pemacu Platform Android LG pada PC anda, anda akan dikehendaki menukar tetapan secara manual. Pilih **Tetapan > Storan**, lalu pilih **Penyimpanan massa sahaja**.
- 3 Sentuh **Hidupkan penyimpanan USB**.

Multimedia

4 Anda boleh melihat kandungan storan massa pada PC anda dan memindahkan fail ini.

NOTA: Anda perlu memasang kad SD dahulu. Tanpa kad SD, anda tidak akan dapat menggunakan storan massa USB.

NOTA: Jika anda telah memasang LG Android Platform Driver, anda akan melihat pop timbul dengan mesej 'Hidupkan penyimpanan USB' dengan serta-merta.

Cara Memindahkan fail muzik/ video ke dalam telefon anda

1 Sambungkan telefon anda kepada PC menggunakan kabel USB. Pada skrin Utama, sentuh dan seret pelukis pemberitahuan ke bawah. Pilih **USB disambung > Hidupkan penyimpanan USB >** Pilih pop timbul Open folder to view files from **Removable Disk** yang muncul pada PC. Jika anda tidak memasang Pemacu Platform Android LG pada PC anda, anda perlu menyediakannya secara manual.

Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada 'Memindahkan fail menggunakan peranti storan massa'.

2 Pindahkan fail muzik atau video dari PC ke storan telefon boleh alih.

- Anda boleh menyalin atau memindahkan fail dari PC ke storan boleh alih pada telefon menggunakan pembaca kad.
- Jika terdapat fail video dengan fail sari kata (fail .smi atau .srt dengan nama yang sama dengan fail video), letakkannya dalam folder yang sama

agar sari kata dapat dipaparkan secara automatik semasa fail video dimainkan.

- Semasa memuat turun fail muzik atau video, hak cipta hendaklah dilindungi. Sila ambil perhatian bahawa fail yang tercemar atau fail dengan sambungan yang salah mungkin akan merosakkan telefon anda.

Menghantar data daripada telefon anda melalui Bluetooth

Menghantar data menggunakan

Bluetooth: Anda boleh menghantar data dengan menjalankan aplikasi berpadanan,

Multimedia

bukan daripada menu Bluetooth, tidak seperti telefon mudah alih biasa.

- * **Menghantar gambar:** Jalankan aplikasi Galeri, lalu pilih **Gambar > Menu**. Klik **Kongsi**, lalu pilih **Bluetooth**. Periksa sama ada Bluetooth dihidupkan, lalu pilih **Imbas peranti**. Pilih daripada senarai peranti mana yang hendak anda hantar data.
- * **Mengeksport kenalan:** Jalankan aplikasi Kenalan. Sentuh alamat yang kepadanya anda hendak mengeksport. Tekan kekunci **Menu** dan pilih **Kongsi > Bluetooth**. Periksa sama ada Bluetooth dihidupkan,

lalu pilih **Imbas peranti**. Pilih daripada senarai peranti mana yang hendak anda hantar data.

- * **Menghantar kepada beberapa kenalan yang dipilih:** Jalankan aplikasi Kenalan. Untuk memilih lebih daripada satu kenalan, sentuh kekunci Menu dan sentuh Kongsi. Pilih kenalan yang kepadanya anda hendak menghantar atau sentuh Pilih semua pilihan dari atas > Pilih Kongsi > Bluetooth > Dayakan Bluetooth dan pilih Imbas peranti > Pilih peranti yang hendak anda hantar data daripada senarai.

- * **Menyambung kepada FTP (hanya pelayan FTP yang disokong pada telefon bimbit ini):** pilih **Tetapan > Wayarles & rangkaian > Tetapan Bluetooth**. Pilih kotak **Boleh ditemui** supaya anda boleh mencari telefon anda pada peranti-peranti lain. Dapatkan perkhidmatan FTP dan sambung kepada pelayan FTP itu.
- Jika anda hendak mencari telefon ini daripada peranti-peranti lain, pergi ke **Tetapan > Wayarles & rangkaian >**

Tetapan Bluetooth. Pilih kotak **Boleh ditemui**. Kotak akan dikosongkan selepas 120 saat.

Radio

LG-E510 anda mempunyai radio FM terbina dalam agar anda boleh mendapatkan stesen kegemaran anda dan mendengarnya dalam perjalanan.

NOTA: Anda mesti memasang alat dengar anda untuk mendengar radio. Masukkannya ke dalam bicu alat fon kepala.

Multimedia

Mencari stesen

Anda boleh menala telefon anda ke stesen radio dengan mencari secara manual atau automatik. Stesen itu kemudiannya akan disimpan pada nombor saluran tertentu, supaya anda tidak perlu menalanya setiap kali. Anda boleh menyimpan sehingga 48 saluran pada telefon anda.

Menala secara automatik.

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Radio FM**.
- 2 Sentuh kekunci **Menu**, lalu sentuh **Imbas Auto**.


- 3 Jika terdapat saluran yang telah dipreset, anda akan ditanya dalam pop timbul "Menetapkan semula semua saluran dan mulakan imbasan Auto?". Jika anda memilih OK, semua saluran yang dipreset akan dipadamkan dan **Imbas Auto** akan bermula.
- 4 Semasa mengimbas auto, sentuh **Henti** jika anda hendak berhenti mengimbas. Hanya saluran yang diimbas yang akan disimpan sebelum anda berhenti mengimbas.

NOTA: Anda juga boleh menala ke stesen radio secara manual menggunakan roda yang terpapar.

Menetapkan kembali saluran

Sentuh kekunci **Menu** dan pilih **Reset saluran** untuk mengeset semula saluran semasa atau pilih **Tetapkan semua saluran** untuk mengeset semula semua saluran.

Mendengar radio

- 1 Pada skrin utama, sentuh tab Aplikasi dan pilih Radio FM.
- 2 Sentuh nombor saluran stesen yang hendak anda dengar.
- 3 Sentuh Dengar Melalui untuk menetapkan mod pembesar suara atau fon kepala untuk mendengar radio.
- 4 Sentuh ikon  untuk volum.

PETUA! Untuk meningkatkan penerimaan radio, panjangkan kord fon kepala yang juga berfungsi sebagai antena radio.


Multimedia

**AMARAN**

Jika anda menyambung fon kepala yang tidak dibuat khusus untuk penerimaan radio, penerimaan radio mungkin tidak begitu baik.

Utiliti

Menetapkan penggera anda

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Jam**.
- 2 Jika anda hendak menambah penggera baru, sentuh  dan pilih **Tambah penggera**.
- 3 Tetapkan waktu untuk menghidupkan penggera. Selepas anda menetapkan masa, LG-E510 akan memberitahu anda baki masa yang tinggal sebelum penggera berbunyi.
- 4 Tetapkan **Ulang, Nada dering** atau **Getar** dan tambah label untuk menamakan

penggera ini. Sentuh **Selesai**.

NOTA: Untuk menukar tetapan penggera pada skrin senarai penggera, tekan kekunci **Menu** dan pilih **Tetapan**. Anda boleh melaraskan pilihan di bawah: **Penggera dalam mod senyap, Tempoh tunda, Tempoh tunda** dan **Kelakuan butang sisi**.

Menggunakan kalkulator anda

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Kalkulator**.
- 2 Sentuh kekunci nombor untuk memasukkan nombor.
- 3 Untuk pengiraan mudah, sentuh fungsi

Utiliti

yang anda kehendaki (+, -, x, atau ÷), diikuti dengan =.

- 4 Untuk pengiraan yang lebih kompleks, tekan kekunci **Menu**, sentuh panel **Lanjutan**, lalu pilih **Sin, Cos, Tan, Log** dsb.

Menambah acara pada kalendar anda

- 1 Pada skrin Utama, sentuh tab **Aplikasi** dan pilih **Kalendar**.
- 2 Untuk menyemak acara, sentuh tarikh. Sentuh dan tahan jika anda hendak

menambah acara yang baru. Kemudian sentuh **Peristiwa baru**.

- 3 Sentuh **Apa**, kemudian masukkan nama acara. Tandai tarikh dan masukkan masa mula dan tamat acara.
- 4 Juga, sentuh **Di mana**, kemudian masukkan lokasi.
- 5 Jika anda hendak menambah nota pada acara anda, sentuh **Deskripsi** dan masukkan butirannya.
